

10/07/1999

Alcatel wujud pusat teknikal di MSC

ALCATEL CIT (Alcatel), satu daripada syarikat telekomunikasi terbesar di dunia akan mewujudkan pusat kejuruteraan dan teknikal utamanya di Koridor Raya Multimedia (MSC), menjadikan Malaysia pangkalan utamanya di rantau ini.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Alcatel, Manuel Gordillo, berkata keputusan itu dibuat baru-baru ini dengan penubuhan pusat itu bulan depan, manakala perpindahan ke Cyberjaya dijangka dilaksanakan dalam tempoh empat atau lima bulan.

"Kami sudah memutuskan untuk mewujudkan dan meluluskan sebuah pusat baru yang akan menjadikan Cyberjaya pangkalan utama untuk keperluan pelanggan di Asia Tenggara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari kedua mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC di Cyberjaya, petang semalam.

Alcatel yang berpangkalan di Perancis, beroperasi di 130 negara dan memiliki kekuatan 120,000 kakitangan. Ia merekodkan perolehan sebanyak RM83 bilion tahun lalu, dengan keuntungan RM8 bilion.

Di Malaysia, Alcatel diwakili sejak 1992 menerusi Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd yang juga anak syarikat terbesarnya di Asia Tenggara.

Gordillo yang juga ahli IAP, berkata jumlah pelaburan Alcatel dalam pembangunan pusat serantau baru itu, bergantung kepada kawasan yang dipilih.

"Mungkin kami akan mengumumkan butir-butir lanjut selepas berakhirnya musim panas nanti," katanya sambil menambah, pusat itu dijangka mempunyai sekurang-kurangnya 40 jurutera.

(END)